

ASUHAN BUDI DI DALAM ISLAM

Didikan kepada anak-anak

I

Ibu bapa guru yang pertama kepada anak-anaknya

Tersebut dalam suatu hadis yang dikeluarkan oleh Bukhari diriwayatkan oleh Abu Hurairah sabda Nabi (SAW) (*mā min mawlūd illā yuladu al al-ḥiṭrah yuhawwidānihi aw yunaṣṣirānihi aw yumajjisānihi kamā tantiju al-bahimah bahimah juma'ā' hal tahussuna fihā min juda'ā'?*) Ertinya: “Tidak ada satu anak jua melainkan semuanya diperanakkan atas kejadian agama tabii manusia yang semula jadi (iaitu agama yang sebenar atau Islam). Kemudian emak bapanya menjadikan dia Yahudi atau Kristian atau Majusi, iaitu sebagaimana binatang peliharaan, semua anaknya diperanakkan cukup lengkap seekor-ekornya: Adakah engkau dapati satu jua yang diperanakkan kudung atau terpotong-potong?”

Setelah ia bersabda demikian jika dibacanya ayat *faṭarat Allāh al-tī faṭr al-nās alaiḥ* lātabdil lakhalaq Allāh al-dhalik al-dīn al-qiyām*: Surah al-Rūm ayat 30) Ertinya: “Tabii kejadian yang ditetapkan Allah yang di atasnyalah telah dijadikannya manusia; tidak ada ubah tukar pada kejadian yang dijadikan Allah – itulah dia agama yang betul.

Oleh Zāba

Daripada hadis serta ayat Quran yang dibaca oleh nabi kita ini nyatalah bahawa tiap-tiap seorang kanak-kanak yang diperanakkan adalah diperanakkan dalam agama sebenar yang semula jadi – yakni bersih dan benar dan baik pada sebab sebenarnya tiada salah apa-apa dan tiada berdosa. Maka sebarang apa perubahan yang terjadi kepadanya kemudian kelak dan sebarang apa tersimpang daripada jalan kebenaran dan kebetulan itu apabila ia besar, ialah hasil daripada asuhan dan didikan dan pelajaran yang mendatang kemudian, baik atau tiada baik: iaitu pengaruh yang terbit daripada latihan tauladan dan percampuran yang mengelilingi dia, terutama tauladan dan percampuran daripada ibu bapanya. Jika ibu bapanya itu Yahudi maka jadi yahudi lah anak itu; jika Nasrani atau Kristian maka jadi kristian lah pula anak itu; demikian pula jika Majusi. Maksudnya

barang bagaimana lontaran yang dibentukkan kepada anak itu oleh tauladan dan ajaran ibu bapanya maka begitulah ia akan jadi; jika ibu bapanya melontarkan dia kepada lain daripada agama yang tiga itu nescaya lainlah pula jadinya anak itu; dan jika ditetapkan anak itu dalam agama Islam yang sebenar nescaya tetaplah pula ia di situ; jika tidak maka tidaklah.

Hadis ini hanya menyatukan fasal anak itu dijadikan Yahudi atau Kristian atau Majusi sahaja oleh asuhan ibu bapanya. Tetapi maknanya yang panuh adalah lebih luas daripada itu. Kerana mengikut kaedah “qias” dalam pengajian agama Islam bolehlah pula dikata bahawa anak yang bersih dan lurus pada masa lahirnya itu boleh jadi orang yang baik dan mulia perangai atau orang yang jahat dan hina perangai, dengan sebab asuhan atau kurang asuhan yang diberi oleh ibu bapanya – iaitu sebab didikan baik dan bersih dan mulia atau didikan jahat dan cemar dan hina yang ditunjuk dan dicontohkan oleh ibu bapa

kepada anaknya itu dari kecil.

Anak itu boleh jadi orang yang berhemah tinggi, mulia tingkahlaku, halus budi pekerti, elok adab perangai dan kesopanan, jika cukup asuhan dan didikan yang baik daripada ibu bapanya serta baik contoh tauladan yang dilihat hari-hari pada ibu bapanya itu. Tetapi sebaliknya pula anak itu boleh jadi orang yang rendah fikiran, lemah kemahuan, cemar kelakuan, cemar perkataan, cemar hati, pengotor, selekeh, penjerut, penyumpah, pembohong, penipu, pengkhianat, pencuri, sedia mahu makan suap atau makan wang yang diserahkan dalam jagaan, tiada amanah, tiada kepercayaan, tiada perasaan tanggungjawab, tiada memegang janji, tiada pengasih, suka membuat aniaya, suka menyeksakan binatang, tamak haloba, boros dan habur, gemar berhutang, suka minta tolong, suka berjudi, suka membuat kelakuan yang memberi aib dan menjatuhkan maruah, percayakan iktikad datuk nenek yang karut-karut, dan beratus-ratus sifat perangai yang rendah-rendah dan kekurangan yang lain-lain lagi – semuanya ialah oleh sebab kekurangan didikan dan ajaran yang sempurna daripada ibu bapanya pada masa mereka kecil; atau oleh sebab begitulah rupa contoh tauladan yang dilihat dan didengarnya hari-hari daripada kelakuan dan pecakapan ibu bapanya dan orang-orang di kelilingnya.

Kita sangat marah jika dikata orang diri kita atau anak kita “kurang ajar” kerana “kurang ajar” itu bermakna bahawa emak bapa kita di rumah tidak cukup atau yidak tahu mengajar kita aturan adab perangai yang halus-halus, sebab mereka sendiri daripada bangsa yang hina, keturunan orang lucah atau hamba orang, hanya biasa dengan kelakuan yang kasar dan tiada bermalu sahaja. Dan lagi difahamkan “kurang ajar” ini maksudnya hanya kurang adab, tak tahu adat, langgar bahasa, kasar pada tingkah laku dan tiada hormat kepada orang-orang tua. Pada hal yang sebenarnya semua sifat-sifat perangai yang kekurangan dan rendah dan hina pada diberi kita dan anak-anak kita itu ialah boleh disusur asalnya

tersebab daripada “kurang ajar” belaka, sama ada kurang ajar oleh diri kita sendiri atau kurang ajar oleh emak bapa di rumah masa kita kecil-kecil. Maka bukanlah “kurang ajar” itu sekadar tentang langgar adab, langgar bahasa, kasar tingkah laku, membuat kelakuan tak senonoh, cemar perkataan dan perbuatan dan tiada hormat akan orang-orang tua sahaja. Pendeknya sekalian hal yang rendah-rendah dan hina dan keji yang didapati pada tabiat dan laku perangai seseorang itu ialah berasal daripada kurang ajar, kurang didikan, kurang pelajaran dan tiada betul ajarannya terutama oleh ibu bapanya di rumah masa ia kecil-keci dahulu, kerana ibu bapa itu sendiri tiada berpelajaran dan tiada tahu mengajar.

Perkara memberi didikan yang betul dan elok oleh ibu bapa di rumah itu amatlah pentingnya, iaitu diberi dengan ajaran dan contoh tauladan yang baik dan mulia, baik dan jahat pada anak-anak itu dalam masanya yang ke hadapan apabila ia telah besar kelak adalah tergantung kepada didikan yang mula-mula diperolehinya di rumah itu. Rumah itulah sekolah yang pertama kepada anak-anak itu bagi pelajaran bagaimana melakukan dirinya dalam kehidupan dunia ini; dan ibu bapa itulah guru sekolahnya yang awal pertama sekali. Adapun sekolah biasa tempat ia belajar tulis menulis, baca membaca, berkira-kira dan lain-lain pelajaran ilmu pengetahuan itu hanyalah sekolahnya yang kedua sahaja. Jikalau sekiranya asuhan dan didikan perangai yang didapatinya di rumah itu tiada senonoh atau tiada baik maka itulah yang akan menjadikan dia “kurang ajar”, kurang amanah, makan suap dan sebagainya apabila ia telah besar kelak. Kerana ajaran perangai dan tingkah laku yang diterimanya sebanyak sedikit daripada perkataan dan contoh tauladan guru-gurunya di sekolah-sekolah biasa itu susahlah akan dapat termasuk kepadanya apabila tidak dibentuk oleh ajaran dan contoh tauladan yang lebih banyak dan lebih lama ia bergaul di rumah.

Bahkan sebarang ajaran adab perangai dan budi pekerti

yang barangkali diperolehinya sebanyak sedikit daripada guru-gurunya di sekolah itu selalu terbantut dan hilang begitu sahaja seperti air di daun keladi jika contoh tauladan yang dilihatnya di rumahnya buruk dan berlawanan dengan ajaran-ajaran di sekolah itu, betapa tidak?

Sekolahnya yang biasa itu menarik ke kanan, tetapi apabila ia pulang ke rumah didapatinya contoh tauladan ibu bapanya di rumah menarik ke kiri pula! Jadi berlawanan, tambahan pula masanya di sekolah yang biasa itu sangat sedikit apabila dibandingkan dengan masanya yang lebih di rumah atau dalam pergaulan yang di luar sekolah. Katalah lima jam atau enam jam sahaja sehari di sekolah, yang lain itu semua habis di luar sekolah dalam pergaulan dengan ibu bapanya dan dengan kawan-kawan yang barangkali tiada berapa baik contoh tauladannya. Maka manakah yang akan menang?

Misalnya jika di sekolah guru-gurunya mengajar suruh bersih tetapi di rumahnya sentiasa kotor, ibu bapanya sendiri tiada bersih, suka buang air besar di parit atau di longkang-longkang sahaja umpamanya, barang-barang di rumah bersepah-sepah tiada aturan, kain-kain tersepuk di sana tersangkut di sini, kencing budak kecil berlelehan di lantai – maka betapakah dapat dipersetujukan di antara dua macam sekolah itu?? Demikian pula jika di sekolah mengajar bercakap benar jangan bohong, jangan mungkir janji, jangan membuang-buang waktu, jangan boros dan membazir jangan menyakiti binatang seperti menark-narik ekor kucing, melastik burung, mengambil telur burung, jangan mencuri buah-buah di kebun orang, jangan mencarut, jangan berbuat apa-apa dengan bersembunyi-sembunyi daripada emak bapa, jangan berbuat apa-apa di dalam gelap yang malu dilihat orang jika di tengah terang, dan sebagainya; pada hal di rumahnya didapatinya emak bapanya selalu bercakap bohong – kalau Cina kedai datang meminta hutang disuruhnya anaknya itu katakan dia tak ada di rumah, pada hal dia bersembunyi di balik pintu; kalau dia pergi menengok wayang dikatakannya kepada anaknya dia pergi kepada doktor gigi! Apabila demikian halnya maka

bolehkah diharap ajaran di sekolah itu akan dapat masuk dengan sempurnanya?!

Begitu pula pada yang lain-lain itu: tentang mencarut umpamanya di sekolah melarang, tetapi di rumahnya sentiasa didengarnya emak bapanya memaki-maki dengan perkataan “pukimak” yang emak bapa itu sendiri pun tidak tahu atau tidak ingat lagi maknanya! Atau mak bapa itu selalu menyumpah-nyumpah anaknya itu dengan perkataan “celaka, neraka, puaka atau lahanat” (laknat)! Maka bagaimanakah budak itu tidak akan terikut? Demikianlah ada beberapa banyak misal yang lain lagi boleh kita semua perhatikan sendiri.

Bagi kerja mendidik anak-anak di rumah ini ibulah yang terutama sekali mempunyai tanggungan kerana dia yang bergaul lebih banyak dengan anak-anak itu. Adapun bapa, pergi bekerja bagi mencari dan mengadakan nafkah bagi belanja hidup anak ahlinya itu, dan nyatalah tiada cukup banyak dapat bercampur dengan anak-anaknya. Maka bahagian bapa hanyalah sebagai penetap (Penetap), penasihat dan kuasa yang akhir dan terbesar sekali dalam pemerintahan rumahtangganya itu. Maka sebab itulah ibu itu sangat dimuliakan dalam ajaran agama Islam hingga tersebut dalam hadis sabda Nabi SAW (*mā akram al-nisā’ al-akrīm walā ihā nahunna al-alīm*) ertinya “Yang memuliakan perempuan yakni ibu itu tiada lain melainkan orang yang mulia juga, dan yang menghinakan perempuan pula tiada lain melainkan orang yang hina juga” ; iaitu perkataan memuji orang yang memuliakan perempuan dan mengeji orang yang menghinakannya. Tujuannya ialah menyuruh muliakan perempuan dan melarang jangan hinakan perempuan. Bahkan oleh sebab tersangat mulianya ibu itu hingga dikata di dalam suatu hadis yang lain sabda nabi SAW (*al-jannāt taht aqadām al-amhāt*)“ ertinya bahawa syurga itu terletak di bawah tapak kaki ibu.” Yakni menunjukkan tingginya martabat ibu yang mendidik anaknya itu, sehingga kebahagiaan dunia dan akhirat tergantung kepada pijakan kakinya. kata pepatah orang putih pula “ Bahawa tangan yang mengayun buaian itu memerintah dunia”:

yakni dengan sebab bela peliharaan ibu yang sempurna itulah menjadikan anaknya mencapai darjat yang besar hingga memerintah manusia dan negeri-negeri dalam dunia. Jika tidak ada ibu memberi didikan yang sempurna tidaklah boleh berasal sekalian itu.

Dalam pada itu nyatalah pula bahawa yang sebaik-baiknya bagi menyempurnakan segala tanggungan mendidik anak ini hendaklah ibu yang berpelajaran istimewa pada zaman kemajuan sekarang ini: ibu yang celik matanya mengetahui hal ehwal dunia yang lebih luas daripada kelongkong dapurnya dan ceruk-ceruk keliling rumahnya dan daerah kampungnya; ibu yang mengerti perkara-perkara lebih tinggi daripada membawakan rantai emas dan kerabu intan dan sebagainya, dan lebih bertanggungjawab daripada semata-mata hendak bersolek dan meniru-niru pembawaan Barat! Maka istimewa pula pada zaman

dunia telah menjadi kecil dan sempit sekarang dan pengetahuan manusia telah bertambah luas, dan fikiran-fikiran cara lama telah mulai hancur lebur di seluruh dunia, dan panduan agama berkehendakan disusuk semula dan dibaharui -jadi makinlah bertambah mustahaknya ibu-ibu sekalian mesti ada pelajaran yang betul supaya ia dapat memadankan didikannya akan anak-anaknya itu kepada tuntutan alam yang lebih luas dalam kemaraan dunia hari ini ; dan supaya ia dapat memilih yang mana baik ditiru dan yang mana mesti ditolak jika sekiranya umat kita hendak dapat naik serta dapat memelihara diri. Sementara itu, didikan dunia tidaklah sekali-sekali boleh diceraikan daripada didikan agama.

Dalam sambungan yang kedua kelak akan diterangkan bagaimana “cara-cara membawa didikan”.

(sambungan pada muka 4)

oleh kerajaan. Pendapat dan pandangan orang-orang seperti itu jika dipakai, maka terpaksa semua universiti-universiti di dalam dunia ini ditutup dan ditinggalkan beberapa buah sahaja untuk mengeluarkan pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Adakah seorang yang akan menerima logik dan mantiq yang seumpama ini?!

Mustahaknya ada kolej Islam bukan sahaja bagi faedah agama Islam sendiri, tetapi ialah bagi faedah pentadbiran negeri ini, yang sangat-sangat berhajatkan kepada pegawai-pegawai agama yang berkeelayakan dan juga berhajatkan guru-guru agama yang berkebolehan bagi mengajar agama dalam sekolah-sekolah kebangsaan yang telah dicadangkan di federation itu.

Seperkara lagi yang wajib diperhatikan dalam soal kolej ini, bukan sahaja segi kebendaannya seperti mengeluarkan orang-orang yang akan memenuhi jawatan-jawatan kerajaan, tetapi segi rohaninya pun mestilah dipandang dengan beratnya. Misalnya, dalam masa dunia sekarang sedang dihamuk oleh faham komunisme, maka kepercayaan agama wajib ditanam sedalam-dalamnya. Maka menurut penyiasatan dan penyelidikan pakar-pakar soal agama adalah agama Islam itu sebaik-baik faham untuk menentang komunisme. Kedudukan agama Islam yang penting ini, dalam pergolakan

faham-faham dunia, wajiblah disedari oleh orang-orang Islam sendiri dan juga oleh pihak yang berkuasa di negeri ini.

Maka dengan keterangan ini semakin teranglah maksud dan tujuan tajuk “harapan tunggal” yang di atas itu. Oleh yang demikian kita menaruh sebesar-besar harapan kepada pihak yang berkuasa menghulurkan bantuannya kepada kolej Islam itu bagi faedah, ketenteraman dan keselamatan negeri ini dalam masa sekarang dan ke hadapan.

Kita percaya bahawa pihak kerajaan di *Federation* tidak akan menggenggam tangannya terhadap kolej Islam itu, kerana kita cukup tahu yang kerajaan ada memberi bantuan-bantuan wang kepada sekolah-sekolah yang kepentingannya dan kemustahakannya tidak sebesar kemustahakan kolej Islam itu dalam zaman yang penuh dengan faham-faham kebendaan yang ganas dan maharajalela.

Tetapi orang ramai Islam jangan pula berpeluk tubuh dan menggenggam tangan kerana harapkan bantuan kerajaan itu, kerana kewajipan mengadakan kolej Islam itu adalah fardhu ain atas tiap-tiap seorang muslim, sebab dalam negeri ini belum lagi ada rumah pelajaran agama yang tinggi bagaimana yang dicadangkan dalam kolej tersebut adanya.

(sambungan daripada muka 6)

universiti Cina itu. Universiti itu, katanya lagi dengan berterang-terang ialah hak kami sendiri dan tidak berkait dengan sesiapa pun.

Perkataan orang Cina itu, iaitu perkara universiti Cina itu hal mereka yang tiada berkait dengan sesiapa pun, itu, memang betul, jika negeri ini negeri kita yang orang-orang Cina menjadi tuan haknya. Tetapi negeri ini negeri Melayu, bukannya negeri Cina, sudah tentu universiti yang menjadi perkara Cina itu bukan tempatnya di sini, sebagaimana juga sudah tentu perkara itu menyentuh kedudukan negeri ini dan sebab itulah digaduhkan. Sekiranya orang-orang Cina itu bercadang hendak mendirikan universiti Cina itu di negeri Cina, jangankah sebuah, bahkan sepuluh, seratus hatta seribu buah pun tiadalah orang-orang Melayu gaduhkan.

Oleh itu jikalau perkara itu dikatakan perkara Cina pergi sahajalah bangunkannya di negeri Cina. Di sini ialah negeri Melayu dan tidak ada perkara Cina atau lainnya di sini.

Menyentuh perasaan Melayu

Orang-orang Melayu memang tidak berniat tidak baik kepada Cina atau sesiapa pun. Contoh-contoh yang menunjukkan baik ingatan orang Melayu kepada kaum Cina dan lain-lainnya memang ada banyak. Keredhaan orang-orang Melayu memberi taraf kerakyatan kepada kaum-kaum yang lain itu adalah satu dalil yang nyata dan begitu juga bersedianya orang Melayu hendak berkongres dan membentuk barisan bersekutu atau United Front itu adalah sebesar-besar dalil lagi. Akan tetapi gerak geri dan perbuatan-perbuatan kaum yang lain itu adalah sentiasa menyentuh perasaan orang-orang Melayu dan dari sebab-sebab itulah orang Melayu menaruh was-was di atas kejujuran orang asing seperti Cina itu dan begitulah perasaan was-was dan bimbang orang-orang Melayu itu ada dengan sebabnya.

Jikalau orang Cina boleh mengatakan orang-orang Cina hendak menguruskan perkaranya sendiri dan orang lain hendaklah jaga halnya sendiri masakan orang-orang Melayu boleh percaya kepada kejujuran orang Cina terhadap orang Melayu dan negeri ini.

Kalau sebenarnya jujur

Bidasan orang Cina terhadap bangkangan kepada universiti Cina yang demikian itu, bukan sahaja menunjukkan suatu sikap bongkak dari pihak mereka itu akan tetapi adalah suatu tamparan kepada orang Melayu sendiri. Selagi sikap yang demikian masih ada dan masih ditunjukkan oleh mereka itu di negeri ini, tiadalah berguna segala United Front itu atau seumpamanya dan tiadalah bermakna segala akuan taat setia kepada negeri ini dan hendak mempunyai satu kebangsaan, satu negara dan satu tujuan itu hendak mencapai kemerdekaan Malaya untuk bersama.

Kalau sebenarnya, kaum Cina, sebagaimana juga kaum yang lain-lain itu jujur di dalam perasaannya dan jujur di dalam akuan taat setia iaitu hendak bernegara dengan negeri ini dan hendak hidup mati dengan negeri ini dan hendak menjadi rakyat yang berkebangsaan negeri ini yang merdeka, hapuskanlah cita-cita universiti Cina itu, sebagaimana juga cita-cita yang lain yang tiada kena mengena dengan perkara ini tetapi yang semata-mata bercorak Cina atau perkauman itu.



Pelajar-pelajar Puteri Maahad al-Ihya' al-Sharif Gunung Semanggul sedang bernasyid pada hari menyambut kedatangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak pada 27.2.53.